

Kompleks BB Plaza akan diroboh

Beri laluan kepada projek pembinaan MRT di Bukit Bintang

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR - Kompleks membeli-belah Bukit Bintang (BB) Plaza yang dimiliki UDA Holdings Berhad (UDA) akan dirobohkan bagi memberi laluan kepada pembinaan My Rapid Transit (MRT).

Bagaimanapun, perkara tersebut dikatakan bercanggah dengan kenyataan dikeluarkan pihak MRT Corp seperti dilaporkan sebuah portal berita online.

Naib Presiden Kanan UDA, Syed Ahmad Nazri Syed Kamaruzaman berkata, penglibatan bangunan BB Plaza bagi projek MRT dijelaskan dalam pertemuan bersama pihak MRT Corp yang membawa kepada arahan pengosongan bangunan itu menjelang hujung tahun ini kerana perobohan dijangka awal tahun depan.

Katanya, setakat ini, hanya tiga penyewa, Starbucks Coffee, Gloria Jean

dan Hot & Roll diberikan notis pada awal Jun ini bagi tujuan membina lencongan di Jalan Bukit Bintang.

“Perkara itu mengelirukan kerana dalam pertemuan bersama MRT Corp, mereka menerangkan bahawa penyewa perlu mengosongkan premis menjelang akhir tahun ini kerana plaza akan dirobohkan.

“Seperti kami, peniaga terkejut, apabila diberitahu UDA akan menyerahkan ikon yang beroperasi selama 38 tahun di Bukit Bintang,” katanya selepas sesi dialog bersama penyewa, semalam.

Dialog itu menerangkan rancangan MRT Corp setelah wujud keresahan dan kekeliruan dalam kalangan 167 penyewa BB Plaza yang mana 60 peratus daripadanya adalah Bumiputera, tentang rancangan MRT.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan, UDA Holdings Berhad, Ahmad Abu Bakar berkata, UDA



BB Plaza beroperasi selama 38 tahun di kawasan segi tiga emas di ibu negara.

sebagai anak syarikat Kementerian Kewangan perlu akur kepada keputusan yang dibuat.

Menurutnya, projek tersebut menjadi agenda nasional, yang mana

stesen terbesar MRT akan dibina atas tapak tersebut dan menjadi satu tanggungjawab UDA menurutnya demi memperbaiki sistem pengangkutan perkhidmatan awam dalam negara.

“Bagaimanapun penyewa kita mungkin tidak berpuas hati dan mengeluh, jadi pihak UDA juga prihatin dan akan menyampaikan kehendak-kehendak mereka. Kami juga terlibat kerana UDA perlu berpindah dari menara pejabat ini,” katanya.

Menurutnya, UDA juga memberi jaminan akan mengutamakan penyewa BB Plaza berhubung jaminan pemindahan lokasi perniagaan.

Difahamkan pihak UDA juga akan berusaha memberi notis enam bulan awal daripada tarikh pengosongan kepada baki penyewa memandangkan kini, ianya hanya arahan secara lisan.

Katanya, UDA sedang menunggu keputusan Kementerian Kewangan mengenai permohonan Tradewinds (M) Bhd untuk terlibat sama dalam projek pembinaan semula bangunan BB Plaza, setelah permohonan rasmi daripada Tradewinds dan syarikat lain yang berminat diterimanya.